

'Kabel' gagalkan visi

Herian metro 15/05/2010 M/S 20

Guru guna campur tangan individu berpengaruh untuk elak ditempatkan di sekolah pedalaman



OLEH RUDY FAZRUNISYAM SAMARUDIN

PADA satu pagi kira-kira 15 tahun lalu, murid sebuah sekolah rendah di pedalaman sebuah negeri di Semenanjung Malaysia kelihatan seperti mendapat suntikan semangat baru untuk memulakan sesi pembelajaran mereka berbanding hari sebelumnya. Semuanya kerana mereka di-khabarkan akan mendapat seorang guru perempuan.

Malah, sehari sebelum itu ada di kalangan murid berkenaan melihat kelibat guru wanita terbabit yang datang untuk meninjau keadaan sekolah pertamanya selepas menamatkan latihan di sebuah maktab perguruan di negara ini.

"Lepas ini sekolah kita ada cikgu perempuan, mesti 'best' bila ada cikgu perempuan mengajar kita," kata seorang murid tahun lima sekolah yang mempunyai tidak lebih daripada 70 murid dan lima tenaga pengajar termasuk seorang guru sandaran tidak terlatih itu.

Tepat jam 7.30 pagi, loceng dibunyikan menandakan semua murid mesti beratur di hadapan kelas masing-masing yang terletak di satu-satunya

blok bangunan yang menempatkan empat bilik darjah dan sebuah bilik guru.

Selesai menyanyikan lagu Negaraku dan lagu negeri serta doa memulakan pelajaran, mereka melangkah ke kelas masing-masing, namun ada yang menjeling ke arah bilik guru sambil mencari kelibat guru perempuan yang dinantikan itu.

Selang 45 minit kemudian kedengaran loceng dibunyikan sekali lagi sebagai pengumuman tamat waktu pelajaran pertama untuk hari itu, namun murid sekolah itu masih tidak melihat bagaimanakah rupa cikgu baru mereka. Tepat jam 10 pagi, loceng 'dipalu' sekali lagi oleh guru bertugas pada minggu berkenaan.

Kali ini semua murid bergegas keluar dari kelas masing-masing kerana waktu rehat dan seperti kebiasaan, untuk ke kantin sekolah yang turut dikongsi sebagai warung bagi penduduk tempatan, mereka terpaksa melintas bilik guru.

Kesempatan itu digunakan murid untuk menjenguk ke dalam bilik guru sambil mata meliar mencari kelibat guru berbaju kurung yang tidak pernah mereka lihat sebelum ini. Tidak kurang juga yang memberanikan diri bertanyakan guru lelaki yang ketika itu menyelak buku la-



TABAH...guru bekerjasama mengangkat motosikal rakan menyeberangi anak sungai untuk ke sebuah sekolah di kawasan pedalaman Kelantan.

tihan anak muridnya.

Bagaimanapun, guru lelaki berusia 22 tahun itu membuat keputusan mendumuskan diri untuk tidak menjawab soalan anak muridnya kerana dia sendiri tidak dapat memberikan jawapan tepat bilakah rakan sekerja barunya itu akan tiba untuk memulakan tugas.

Namun, apa yang tidak diketahui warga sekolah berkenaan ialah, kunjungan pertama guru wanita yang baru

menamatkan pengajian di maktab ke sekolah mereka sehari sebelumnya itu adalah yang terakhir baginya.

Difahamkan, guru berkenaan telah menggunakan 'kabel' bagi membolehkannya bertukar ke sekolah lain yang lebih menepati kehendak dirinya kerana tidak mahu bersampan dan bergelumang dengan unggas setiap kali masuk ke perkampungan yang mempunyai tidak sampai 50 keluarga itu. Mungkin

guru berkenaan ketika itu tidak menganggap kerjaya yang diceburinya memerlukan pengorbanan besar sesuai dengan ungkapan guru ibarat lilin, berkorban untuk menerangi anak bangsa dengan ilmu tanpa meletakkan kepentingan diri di kedudukan paling atas.

Namun, penghayatan maksud ungkapan itu seakan-akan mula pudar di kalangan guru baru, maka langkah kerajaan mewajibkan guru bertugas di pedalaman dan luar bandar antara tiga hingga lima tahun dalam tempoh perkhidmatan sebagai langkah mengatasi kekurangan tenaga pengajar di kawasan itu adalah tepat pada masanya.

Dengan purata 30 hingga 40 peratus murid adalah warga luar bandar serta pedalaman, angka ini memerlukan pengorbanan besar guru sedia ada mahupun guru muda untuk berkhidmat menjadi lilin tanpa alasan untuk menolak arahan.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mengumumkan perkara itu baru-baru ini, berkata Kementerian Pelajaran akan mewajibkan guru baru mengajar di pedalaman untuk mengelakkan sistem pendidikan negara berada dalam kepincangan berikutan keengganan guru bertugas di

kan berterusan, campur tangan itu dikhuatiri akan mengganggu usaha kerajaan mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar di luar bandar dan pedalaman dengan mewajibkan guru bertugas di kawasan itu antara tiga hingga lima tahun dalam tempoh perkhidmatan, tidak lama lagi.

Ketika melalui proses temuduga, antara soalan kerap ditanyakan ialah berkaitan kemampuan bakal guru berkhidmat di pedalaman, maka ketika itu sudah tentu jawapan yang diberikan sanggup memikul tanggungjawab walau dihantar ke ceruk mana sekali pun.

Tetapi, apabila tiba masanya untuk dihantar, lain pulajadinya apabila ada yang berbolak-dalik memberi pelbagai alasan, termasuk menggunakan pengaruh keluarga yang mempunyai kenalan orang kenamaan atau mendapatkan sokongan ahli politik.

Keadaan itu menurut Mohamed Sabri menyebabkan masyarakat memandang serong terhadap guru sebagai tidak bersikap profesional dan tidak bertanggungjawab dalam memikul amanah serta menghadapi cabaran tugas mendidik.

Tidak semua guru enggan ke pedalaman dan bagi yang menyahut cabaran sanggup

kawasan berkenaan.

Guru yang dihantar berkhidmat ke pedalaman juga bakal menerima beberapa ganjaran baru selain elaun maksimum RM1,500 sedia ada sebagai pembakar semangat dan supaya mereka tidak dirundung 'kesedihan' apabila diarahkan ke kawasan itu.

Tetapi, jika kita renung kenyataan Presiden Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB), Mohamed Sabri Mohd Arsad, baru-baru ini, kementerian sebenarnya mempunyai cabaran baru untuk menangani keadaan ini.

Mohamed Sabri berkata, ada guru menggunakan pengaruh keluarga dan sokongan ahli politik dalam rayuuan menolak arahan penempatan mereka ke sekolah di kawasan pedalaman.

Campur tangan ahli politik membabitkan menteri, timbalan menteri dan wakil rakyat terpaksa melayani permintaan pengundi di kawasan masing-masing.

Bagi KGMMB, jika dibiarkan

berjauhan dengan anak isteri atau suami, mereka inilah sebenarnya layak dikaitkan dengan ungkapan guru ibarat lilin.

Sesungguhnya pengorbanan guru boleh dinilai dari pelbagai aspek, sama ada bertugas di pedalaman atau bandar, mereka tetap memikul tanggungjawab amat mulia dan dipandang tinggi oleh agama dan masyarakat.

Tetapi jika tidak ada yang mahu berkorban ke pedalaman, siapakah lagi yang boleh diharapkan? Apakah nasib murid yang sepatutnya menerima pendidikan sama seperti rakan mereka di sekolah bandar?

Hari ini, selepas lebih satu dekad meninggalkan sekolah pedalaman di Kuala Krai, Kelantan, penulis berharap muridnya menikmati suasana pembelajaran lebih selesa dan ceria dengan kehadiran guru berbaju kurung dan bersuara lunak seperti yang diimpikan abang atau kakak mereka sebelum ini.